

D.R. 6/93

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

**RANG UNDANG-UNDANG DUTI TIMBAL
BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

DUTI TIMBAL BALAS

3. Pengenaan duti timbal balas.
4. Permulaan penyiasatan.
5. Perundingan dengan kerajaan asing yang berkepentingan.
6. Pindaan kepada petisyen.
7. Jangka masa penyiasatan.
8. Penentuan awal mengenai subsidi dan kemudaran.
9. Langkah-langkah sementara.
10. Penentuan muktamad mengenai subsidi dan kemudaran.
11. Penamatan penyiasatan.
12. Penggantungan penyiasatan.
13. Kajian semula pentadbiran.
14. Rayuan kepada Tribunal.

BAHAGIAN III

DUTI ANTI-LAMBAKAN

15. Pengenaan duti anti-lambakan.
16. Nilai normal.
17. Harga eksport.

Fasal

18. Perbandingan nilai normal dan harga eksport.
19. Dagangan subjek dari negara berekonomi bukan pasaran.
20. Permulaan penyiasatan.
21. Pindaan kepada petisyen.
22. Jangka masa penyiasatan.
23. Penentuan awal mengenai lambakan dan kemudaratan.
24. Langkah-langkah sementara.
25. Penentuan muktamad mengenai lambakan dan kemudaratan.
26. Penamatan penyiasatan.
27. Penggantungan penyiasatan.
28. Kajian semula pentadbiran.
29. Rayuan kepada Tribunal.

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

30. Perkara-perkara pentadbiran.
31. Perlindungan pegawai dan orang yang bertindak di bawah arahan pegawai.
32. Penubuhan Tribunal.
33. Peraturan-peraturan berkenaan dengan kawasan yang dinyatakan.
34. Pemakaian Akta Kastam 1967.

BAHAGIAN V

AM

35. Kumulasi.
36. Pernyataan palsu.
37. Langkah-langkah anti-pemintasan.
38. Notis mengenai maklumat dan peluang untuk mengemukakan keterangan.
39. Maklumat sulit daripada pihak-pihak berkepentingan.
40. Penentusahan maklumat.
41. Penggunaan fakta yang ada.
42. Amalan lain yang ditemui semasa penyiasatan.
43. Penjalanan penyiasatan jika tiada obligasi antarabangsa terpakai.
44. Pemindahan kapal.
45. Penyiaran notis.

Fasal

46. Pengiraan dua kali tidak dibenarkan.
47. Pelepasan kastam tidak boleh dihalang.
48. Pengkhidmat awam.
49. Kewajipan kerahsiaan.
50. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
51. Pemansuhan Akta Kastam (Lambakan dan Subsidi) 1959.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penyiasatan dan penentuan subsidi yang diberikan pada, dan lambakan, dagangan yang diimport ke dalam Malaysia, pengenaan duti timbal balas dan anti-lambakan untuk mengimbangi subsidi atau lambakan itu, dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"akujanji" ertinya akujanji sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 50;

"dagangan boleh banding" ertinya dagangan yang dijual dalam pasaran dalam negeri negara pengeksport

atau kepada mana-mana negara atau negara-negara ketiga yang didapati sesuai oleh Kerajaan untuk digunakan dalam pengiraan margin lambakan;

"dagangan subjek" ertinya kelas atau jenis dagangan yang diimport atau dijual untuk pengimportan ke dalam Malaysia yang menjadi subjek bagi apa-apa tindakan duti timbal balas atau anti-lambakan di bawah Akta ini, sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan sebagai sesuai bagi memastikan skop tindakan itu;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan;

"harga eksport" ertinya harga eksport sesuatu dagangan sebagaimana yang ditentukan mengikut seksyen 17;

"industri dalam negeri" ertinya—

- (a) pengeluar dalam negeri keluaran serupa secara keseluruhannya;
- (b) pengeluar dalam negeri yang output kolektifnya akan keluaran serupa membentuk perkadaran yang besar dalam jumlah pengeluaran dalam negeri keluaran itu; atau
- (c) pengeluar serantau keluaran serupa,

tetapi tidak termasuk—

- (A) pengeluar dalam negeri yang berkaitan dengan pengeksport atau pengimport, atau yang sendirinya adalah pengimport, dagangan subjek atau suatu keluaran serupa dari negara lain melainkan jika ditentukan selainnya oleh Kerajaan; dan
- (B) pengeluar dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa terutamanya untuk eksport melainkan jika ditentukan selainnya oleh Kerajaan;

"keluaran serupa" ertinya keluaran yang sama atau serupa dari segala aspek dengan dagangan subjek, dan boleh termasuk apa-apa keluaran lain yang mempunyai ciri fizikal, teknikal atau kimia, pemakaian atau

kegunaan yang menyerupai ciri, pemakaian dan kegunaan dagangan subjek sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan;

"langkah-langkah sementara" ertinya—

- (a) berhubungan dengan Bahagian II, kehendak untuk memberikan suatu cagaran yang sama dengan anggaran subsidi yang didapati dalam penentuan awal; dan
- (b) berhubungan dengan Bahagian III, kehendak untuk memberikan suatu cagaran yang sama dengan anggaran margin lambakan yang didapati dalam penentuan awal;

"margin lambakan" ertinya amaun yang dengannya nilai normal dagangan subjek melebihi harga eksportnya;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri;

"negara berekonomi bukan pasaran" ertinya mana-mana negara asing yang ditentukan oleh Kerajaan sebagai tidak beroperasi mengikut prinsip pasaran berdasarkan struktur kos atau harga;

"negara pengeksport" ertinya—

- (a) negara eksport dagangan subjek; atau
- (b) dalam hal di mana dagangan subjek tidak dieksportkan secara langsung ke Malaysia tetapi dipindah kapal tanpa mengalami perubahan substansial menerusi suatu negara perantaraan, negara asal dagangan subjek itu;

"nilai normal" ertinya nilai normal sesuatu dagangan sebagaimana yang ditentukan mengikut seksyen 16 atau 19;

"pegawai kastam" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967;

"pengeluar" ertinya pengeluar, pengilang atau pemproses;

"pengeluar serantau" ertinya pengeluar dalam negeri keluaran serupa yang terletak dalam pasaran serantau yang spesifik di Malaysia;

"pihak berkepentingan" ertinya—

- (a) pengeluar, pengeksport atau pengimport dagangan subjek;
- (b) persatuan perdagangan atau perniagaan yang sebilangan besar anggotanya ialah pengeluar, pengeksport atau pengimport dagangan subjek;
- (c) kerajaan sesuatu negara yang dalamnya dagangan subjek dikeluarkan atau yang darinya dagangan subjek dieksportkan;
- (d) pengeluar keluaran serupa di Malaysia; atau
- (e) persatuan perdagangan atau perniagaan yang sebilangan besar anggotanya mengeluarkan keluaran serupa di Malaysia;

"Tribunal" ertinya Tribunal yang ditubuhkan di bawah seksyen 32.

(2) Suatu subsidi disifatkan wujud jika—

- (a) suatu faedah atau sumbangan kewangan diperuntukkan, secara langsung atau tak langsung, oleh sesuatu kerajaan, sama ada pusat, negeri atau tempatan, atau oleh suatu badan awam atau separa awam, kepada—
 - (i) suatu perusahaan, industri atau kumpulan industri yang spesifik; atau
 - (ii) pengeksport; dan
- (b) apa-apa syarat lain yang ditetapkan telah ditepati.

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, Menteri boleh mengambil kira apa-apa aktiviti yang diiktiraf di bawah obligasi antarabangsa Malaysia sebagai aktiviti yang hendaklah atau tidaklah tertakluk kepada tindakan di bawah Akta ini.

(4) Subsidi hendaklah dikira mengikut cara yang ditetapkan.

(5) Pihak-pihak hendaklah disifatkan sebagai berkaitan jika—

- (a) satu pihak mengawal pihak yang satu lagi secara langsung atau tak langsung;
- (b) kedua-dua pihak dikawal oleh suatu pihak ketiga secara langsung atau tak langsung; atau
- (c) pihak-pihak itu mengawal suatu pihak ketiga bersama-sama/na secara langsung atau tak langsung,

melainkan jika terdapat alasan untuk mempercayai bahawa pihak-pihak berkaitan itu tidak akan berkelakuan berlainan daripada pihak-pihak tak berkaitan.

(6) Satu pihak hendaklah disifatkan mengawal pihak yang satu lagi apabila pihak yang mula-mula disebut itu, menurut undang-undang atau amalan operasinya, berada dalam kedudukan untuk menjalankan sekatan ke atas atau memberi arahan kepada pihak yang kemudian itu.

BAHAGIAN II

DUTI TIMBAL BALAS

3. (1) Kerajaan boleh mengenakan duti timbal balas ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia jika ia menentukan—

Pengenaan
duti timbal
balas.

- (a) bahawa subsidi sedang diberikan berkenaan dengan dagangan subjek itu; dan
- (b) bahawa kemudahan didapati wujud mengikut mana-mana satu daripada cara-cara yang berikut:
 - (i) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa dimudatkan secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu;
 - (ii) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa diancam dengan kemudahan material disebabkan oleh dagangan subjek itu; atau

(iii) penubuhan industri sedemikian di Malaysia terencat secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu.

(2) Amaun duti timbal balas yang dikehendaki dikenakan—

(a) hendaklah sama dengan subsidi yang ditentukan diberikan berkenaan dengan dagangan subjek; atau

(b) jika Kerajaan menentukan bahawa suatu duti timbal balas yang lebih rendah adalah mencukupi untuk menghapuskan kemudaratan yang ditentukan dalam perenggan (1)(b), bolehlah duti yang lebih rendah itu.

(3) Jika negara asal dagangan subjek ialah negara berekonomi bukan pasaran, subsidi hendaklah ditentukan mengikut cara yang ditetapkan.

Permulaan
penyiasatan.

4. (1) Suatu petisyen bertulis yang meminta supaya suatu penyiasatan duti timbal balas dimulakan mengenai sesuatu dagangan yang diimport ke dalam Malaysia boleh dikemukakan oleh seorang pengeluar, pengeluar-pengeluar atau suatu persatuan pengeluar keluaran serupa bagi pihak industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran sedemikian.

(2) Suatu petisyen hendaklah termasuk keterangan mengenai setiap elemen yang dinyatakan dalam subseksyen 3(1).

(3) Kerajaan hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, mengkaji petisyen itu dan maklumat lain yang ada dan menentukan sama ada pada hakikatnya—

(a) ada keterangan mencukupi yang mewajarkan sesuatu penyiasatan mengenai sama ada elemen-elemen yang perlu bagi pengenaan duti timbal balas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 3(1) wujud; dan

(b) penyiasatan sedemikian adalah demi kepentingan awam.

DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN11

(4) Jika Kerajaan menentukan bahawa keterangan mencukupi tidak wujud untuk mewajarkan permulaan suatu penyiasatan duti timbal balas atau bahawa penyiasatan sedemikian tidak demi kepentingan awam, Kerajaan hendaklah menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penentuannya untuk tidak memulakan suatu penyiasatan.

(5) Jika Kerajaan menentukan bahawa keterangan mencukupi wujud untuk mewajarkan permulaan penyiasatan duti timbal balas dan bahawa penyiasatan sedemikian adalah demi kepentingan awam, Kerajaan hendaklah memberitahu pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan dan menyiarkan suatu notis permulaan penyiasatan.

(6) Kerajaan boleh, dalam hal keadaan khas, memulakan suatu penyiasatan duti timbal balas atas kehendaknya sendiri jika ia mempunyai keterangan mencukupi mengenai setiap elemen yang dinyatakan dalam subseksyen 3(1).

(7) Jika Kerajaan memutuskan untuk memulakan suatu penyiasatan di bawah subseksyen (6), ia hendaklah memberitahu pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan dan menyiarkan suatu notis permulaan penyiasatan.

5. (1) Sebelum memulakan penyiasatan, Kerajaan hendaklah memberi mana-mana kerajaan asing yang berkepentingan peluang untuk berunding bagi maksud menjelaskan perkara-perkara yang relevan kepada penyiasatan itu dan untuk mendapatkan penyelesaian yang dipersetujui bersama.

Perundingan dengan kerajaan asing yang berkepentingan.

(2) Kerajaan hendaklah memberi suatu peluang munasabah bagi perundingan tambahan sepanjang perjalanan penyiasatan itu.

6. Sesuatu petisyen yang meminta sesuatu penyiasatan duti timbal balas dimulakan boleh dipinda tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Kerajaan.

Pindaan kepada petisyen.

Jangka masa
penyiasatan

7. Kerajaan hendaklah mengakhiri sesuatu penyiasatan duti timbal balas dalam tempoh yang ditetapkan.

Penentuan
awal
mengenai
subsidi dan
kemudahan.

8. (1) Kerajaan hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, membuat penentuan awal tentang—

(a) sama ada subsidi sedang diberikan berkenaan dengan dagangan subjek; dan

(b) sama ada kemudahan didapati wujud mengikut mana-mana satu daripada cara-cara yang berikut:

(i) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa di-mudaratkan secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu;

(ii) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa diancam dengan kemudahan material disebabkan oleh dagangan subjek itu; atau

(iii) penubuhan industri sedemikian di Malaysia terencat secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu.

(2) Jika Kerajaan membuat penentuan awal negatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penentuan negatif itu dan—

(a) meneruskan penyiasatan itu; atau

(b) menamatkan penyiasatan itu jika difikirkan patut oleh Kerajaan.

(3) Jika Kerajaan membuat penentuan awal afirmatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah meneruskan penyiasatan dan menyiarkan suatu notis mengenai—

(a) penentuan awal afirmatif itu, dengan menyatakan sebab-sebab bagi penentuannya berkenaan dengan perenggan (1)(a) dan (b); dan

(b) langkah-langkah sementara yang terpakai,

dan menggunakan langkah-langkah sedemikian, jika perlu.

9. (1) Kerajaan hendaklah menggunakan langkah-langkah sementara mengenai dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia pada atau selepas penyiaran notis penentuan awal afirmatif jika Kerajaan menentukan bahawa langkah-langkah sedemikian diperlukan untuk mencegah berlakunya kemudatan yang disebut dalam perenggan 8(1)(b) dalam tempoh penyiasatan.

Langkah-langkah sementara.

(2) Langkah-langkah sementara hendaklah dalam bentuk duti timbal balas sementara yang dijamin dengan cagaran yang sama dengan anggaran subsidi yang ditentukan di bawah subseksyen 8(1).

(3) Langkah-langkah sementara yang dikenakan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan.

10. (1) Kerajaan hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, membuat penentuan muktamad tentang—

Penentuan muktamad mengenai subsidi dan kemudatan.

(a) sama ada subsidi sedang diberikan berkenaan dengan dagangan subjek, dan amaun subsidi itu; dan

(b) sama ada kemudatan didapati wujud mengikut mana-mana satu daripada cara-cara yang berikut:

(i) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa dimudatkan secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu;

(ii) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa diancam dengan kemudatan material disebabkan oleh dagangan subjek itu; atau

(iii) penubuhan industri sedemikian di Malaysia terencat secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu.

(2) Apabila membuat penentuan muktamad di bawah subseksyen (1). Kerajaan boleh mengambil kira sama ada pengenaan duti timbal balas adalah demi kepentingan awam.

(3) Jika Kerajaan membuat penentuan muktamad negatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah—

- (a) menamatkan penyiasatan itu;
- (b) menamatkan langkah-langkah sementara yang terpakai di bawah seksyen 9 dan melepaskan cagaran yang dikehendaki oleh langkah-langkah sedemikian; dan
- (c) menyiarkan suatu notis mengenai penentuan muktamad negatif itu, dengan menyatakan sebab-sebab bagi penentuan negatifnya.

(4) Jika Kerajaan membuat penentuan muktamad afirmatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah—

- (a) menyiarkan suatu notis penentuan muktamad afirmatif yang menyatakan sebab-sebab bagi penentuan afirmatifnya, duti timbal balas yang terpakai dan dagangan subjek yang baginya duti timbal balas itu terpakai;
- (b) mengenakan duti timbal balas dalam amaun yang ditentukan mengikut subseksyen 3(2) ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia pada atau selepas tarikh penyiaran penentuan muktamad itu; dan
- (c) mengenakan duti timbal balas mengikut subseksyen (5) dan (6) ke atas import ke dalam Malaysia yang baginya langkah-langkah sementara terpakai.

(5) Kerajaan hendaklah mengenakan duti timbal balas ke atas dagangan subjek yang terhadapnya langkah-langkah sementara terpakai jika—

- (a) Kerajaan membuat suatu penentuan kemudaran material di bawah subperenggan (1)(b)(i); atau
- (b) Kerajaan membuat suatu penentuan ancaman kemudaran material di bawah subperenggan (1)(b)(ii), ia mendapati bahawa, dalam ketiadaan langkah-langkah sementara itu, dagangan subjek

itu akan menyebabkan suatu dapatan kemudaratan material di bawah subperenggan (1)(b)(i).

(6) Berkenaan dengan peneanaan duti timbal balas di bawah subseksyen (5)—

- (a) jika duti timbal balas itu lebih tinggi daripada amaun yang dijamin oleh cagaran yang dikehendaki di bawah langkah-langkah sementara, hanya amaun yang sama dengan cagaran itu hendaklah dikenakan; dan
- (b) jika duti timbal balas itu kurang daripada amaun yang dijamin oleh cagaran yang dikehendaki di bawah langkah-langkah sementara, amaun penuh duti timbal balas itu hendaklah dikenakan dan amaun lebihan cagaran itu hendaklah dibayar ganti atau dilepaskan.

(7) Walau apa pun subseksyen (4) dan (5), Kerajaan boleh mengenakan duti timbal balas ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh sembilan puluh hari sebelum pemakaian langkah-langkah sementara jika—

- (a) Kerajaan mendapati kemudaratan yang sukar dibaiki;
- (b) kemudaratan itu sedang disebabkan oleh pengimportan besar-besaran dagangan subjek itu dalam tempoh masa yang singkat; dan
- (c) subsidi eksport sedang diberikan berkenaan dengan dagangan subjek itu berlawanan dengan obligasi antarabangsa kerajaan asing yang berkepentingan itu.

(8) Apabila duti timbal balas dikenakan ke atas dagangan subjek, duti timbal balas sedemikian hendaklah dikenakan mengikut amaun yang sesuai atas asas seluruh negara dan tak berdiskriminasi ke atas kesemua pengimportan dagangan sedemikian ke dalam Malaysia dari negara yang didapati mensubsidikan dagangan subjek itu.

Penamatan
penyiasatan.

11. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, sesuatu penyiasatan boleh ditamatkan pada bila-bila masa jika—

- (a) pempetisyen menarik balik petisyen; atau
- (b) terdapatnya perubahan hal keadaan,

dengan syarat bahawa Kerajaan menentukan bahawa penamatan sedemikian adalah demi kepentingan awam.

(2) Jika suatu penamatan menurut subseksyen (1) berlaku sebelum penentuan awal, Kerajaan hendaklah menyiarkan notis mengenai penamatan sedemikian dengan menyatakan sebab-sebab bagi penamatan itu.

(3) Jika suatu penamatan menurut subseksyen (1) berlaku selepas penentuan awal, Kerajaan hendaklah—

- (a) menamatkan apa-apa langkah sementara yang disebut dalam seksyen 9 dan melepaskan cagaran yang dikehendaki oleh langkah-langkah sedemikian; dan
- (b) menyiarkan suatu notis mengenai penamatan itu, dengan menyatakan sebab-sebab bagi penamatan itu.

Peng-
gantungan
penyiasatan.

12. (1) Sesuatu penyiasatan boleh digantung pada bila-bila masa jika akujanji disetujuterima oleh Kerajaan.

(2) Sebelum menyetujuterima akujanji, Kerajaan hendaklah menentukan bahawa akujanji itu—

- (a) akan menghapuskan subsidi atau kesan-kesan kemudaratan yang disebabkan oleh dagangan subjek;
- (b) boleh diawasi secara berkesan; dan
- (c) adalah demi kepentingan awam.

(3) Jika akujanji disetujuterima oleh Kerajaan sebelum penentuan awal, Kerajaan hendaklah menggantung penyiasatan dan menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penyetujuterimaan akujanji sedemikian.

(4) Jika akujanji disetujuterima oleh Kerajaan selepas penentuan awal, Kerajaan hendaklah—

- (a) menggantung penyiasatan;
- (b) menggantung apa-apa langkah sementara yang terpakai di bawah seksyen 9 dan melepaskan semua atau sebahagian daripada cagaran yang dikehendaki oleh langkah-langkah sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan; dan
- (c) menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penggantungan penyiasatan dan tindakan-tindakan di bawah perenggan (b).

(5) Walaupun akujanji disetujuterima, penyiasatan boleh diselesaikan atas permintaan bertulis kerajaan asing yang berkepentingan atau jika Kerajaan memutuskan demikian.

(6) Jika Kerajaan menyelesaikan penyiasatan menurut subseksyen (5) atau kerana apa-apa sebab lain, dan membuat suatu penentuan afirmatif, akujanji itu hendaklah terus berkuatkuasa konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(7) Jika Kerajaan menyelesaikan penyiasatan menurut subseksyen (5) atau kerana apa-apa sebab lain, dan membuat suatu penentuan negatif, akujanji itu hendaklah luput, kecuali dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (8).

(8) Jika penentuan negatif yang disebut dalam subseksyen (7) adalah secara besarnya disebabkan oleh kewujudan akujanji itu, akujanji itu boleh dikekalkan konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(9) Kerajaan boleh memulakan semula suatu penyiasatan tergantung pada bila-bila masa jika ia menentukan bahawa akujanji yang disetujuterima di bawah subseksyen (1) tidak lagi menepati kehendak-kehendak subseksyen (2) atau terdapatnya pencabulan material akan akujanji itu.

(10) Jika Kerajaan memulakan semula suatu penyiasatan menurut subseksyen (9) ia hendaklah mengambil tindakan cepat untuk—

- (a) membuat suatu penentuan awal menurut seksyen 8, jika perlu;
- (b) menggunakan langkah-langkah sementara bertepatan dengan seksyen 9; dan
- (c) membuat penentuan muktamad menurut seksyen 10.

(11) Kerajaan boleh menggunakan fakta yang ada berkenaan dengan apa-apa penentuan di bawah subseksyen (10) jika pencabulan material akujanji berlaku.

(12) Dalam hal-hal yang disebut dalam subseksyen (9), Kerajaan boleh mengenakan duti timbal balas bertepatan dengan seksyen 10 ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh sembilan puluh hari sebelum pemakaian langkah-langkah sementara di bawah subseksyen (10):

Dengan syarat bahawa taksiran retroaktif sedemikian tidak terpakai bagi dagangan subjek yang diimport sebelum pencabulan itu.

13. (1) Bilamasa sesuatu pihak berkepentingan yang berkenaan memberi maklumat kepada Kerajaan, atau Kerajaan dengan selainnya mendapat maklumat, bahawa—

- (a) amaun subsidi telah berubah secara substansial;
- (b) pengenaan duti timbal balas tidak lagi perlu;
- (c) akujanji tidak lagi perlu atau patut diubahsuai; atau
- (d) duti timbal balas yang dikehendaki ditamatkan menurut subseksyen (6) patut dikekalkan,

Kerajaan boleh menjalankan suatu kajian semula pentadbiran jika Kerajaan menentukan bahawa kajian semula itu adalah demi kepentingan awam:

Dengan syarat bahawa tiada kajian semula pentadbiran boleh dijalankan rnelainkan jika tempoh yang ditetapkan telah luput.

(2) Jika Kerajaan memutuskan untuk menjalankan suatu kajian semula pentadbiran di bawah subseksyen (1), Kerajaan hendaklah—

- (a) menyiarkan suatu notis mengenai permulaan kajian semula pentadbiran; dan
- (b) menjalankan kajian semula itu, dengan memberi pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan peluang untuk memberi komen.

(3) Apa-apa kajian semula pentadbiran yang dijalankan menurut subseksyen (2) hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

(4) Apabila kajian semula pentadbiran itu selesai, Kerajaan hendaklah menyiarkan suatu penentuan kajian semula pentadbiran muktamad dengan menyatakan sebab-sebab bagi penentuannya itu.

(5) Apa-apa penentuan yang dibuat menurut subseksyen (4) hendaklah terpakai bagi dagangan subjek yang diimport pada atau selepas tarikh penyiaran penentuan kajian semula pentadbiran itu.

(6) Duti timbal balas tidak boleh dipungut atas import yang dibuat selepas lima tahun dari tarikh penyiaran notis mengenai penentuan muktamad di bawah seksyen 10, melainkan jika Kerajaan menentukan berasaskan pada suatu kajian semula pentadbiran bahawa terdapat sebab yang baik untuk pengenaan berterusan duti sedemikian.

14. (1) Pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan hendaklah mempunyai hak untuk merayu kepada Tribunal terhadap—

Rayuan
kepada
Tribunal.

- (a) suatu penentuan muktamad afirmatif atau negatif di bawah seksyen 10; atau
- (b) apa-apa penentuan kajian semula pentadbiran muktamad di bawah subseksyen 13(4).

(2) Sesuatu rayuan hendaklah difailkan dalam masa empat belas hari dari tarikh notis penentuan muktamad afirmatif atau negatif di bawah seksyen 10 atau dari tarikh penentuan kajian semula pentadbiran muktamad di bawah subseksyen 13(4).

BAHAGIAN III

DUTI ANTI-LAMBAKAN

Pengenaan
duti anti-
lambakan.

15. (1) Kerajaan boleh mengenakan duti anti-lambakan ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia jika ia menentukan—

- (a) bahawa harga eksport dagangan subjek itu adalah kurang daripada nilai normalnya; dan
- (b) bahawa kemudahan didapati wujud mengikut mana-mana satu daripada cara-cara yang berikut:
 - (i) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa dimudaratkan secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu;
 - (ii) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa diancam dengan kemudahan material disebabkan oleh dagangan subjek itu; atau
 - (iii) penubuhan industri sedemikian di Malaysia terencat secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu.

(2) Arnaun duti anti-lambakan yang dikehendaki dikenakan—

- (a) hendaklah sama dengan margin lambakan yang ditentukan wujud berkenaan dengan dagangan subjek; atau
- (b) jika Kerajaan menentukan bahawa suatu duti anti-lambakan yang lebih rendah adalah mencukupi untuk menghapuskan kemudahan yang ditentukan dalam perenggan (1)(b), bolehlah duti yang lebih rendah itu.

Nilai normat

16. (1) Bagi maksud Akta ini, nilai normal adalah harga boleh banding yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar dalam perjalanan biasa perdagangan bagi dagangan boleh banding yang dijual untuk penggunaan dalam pasaran dalam negeri negara pengeksporth.

(2) Apabila tidak terdapat jualan dalam pasaran dalam negeri negara pengeksporth di bawah subseksyen (1), atau apabila jualan-jualan sedemikian tidak membenarkan suatu perbandingan yang sesuai, nilai normal adalah—

(a) harga boleh banding yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar dalam perjalanan biasa perdagangan bagi dagangan boleh banding yang dieksporth ke mana-mana negara atau negara-negara ketiga; atau

(b) nilai binaan dagangan subjek, yang ditentukan dengan menambah kos pengeluaran dan margin keuntungan yang munasabah.

(3) Bilamasa wujudnya alasan-alasan munasabah bagi mempercayai atau mengesyaki bahawa harga-harga yang dengannya dagangan boleh banding sebenarnya dijual untuk penggunaan di bawah subseksyen (1) atau perenggan (2)(a) adalah kurang daripada kos untuk mengeluarkan dagangan itu, jualan-jualan pada harga-harga sedemikian boleh dianggap sebagai tidak dibuat dalam perjalanan biasa perdagangan.

(4) Bagi maksud menentukan kos pengeluaran yang disebut dalam perenggan (2)(b) dan subseksyen (3), kos pengeluaran hendaklah dihitung atas asas segala kos bahan dan pengilangan yang tetap dan berubah dalam perjalanan biasa perdagangan di negara pengeksporth, termasuk suatu amaun munasabah bagi perbelanjaan penjualan, pentadbiran dan perbelanjaan am yang lain.

(5) Dalam hal keadaan yang diperihalkan dalam subseksyen (3), nilai normal boleh ditentukan mengikut asas—

(a) jualan-jualan selebihnya di pasaran dalam negeri yang dibuat pada harga yang tidak kurang daripada kos pengeluaran, dengan syarat bahawa jualan-jualan selebih itu adalah dalam kuantiti yang mencukupi;

(b) jualan-jualan selebihnya di pasaran negara ketiga yang dibuat pada harga yang tidak kurang daripada kos pengeluaran, dengan syarat bahawa

jualan-jualan selebih itu adalah dalam kuantiti yang mencukupi; atau

(c) nilai binaan sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan (2)(b).

(6) Bagi maksud menentukan nilai normal, transaksi di kalangan pihak-pihak yang berkaitan, atau di kalangan pihak-pihak yang ternyata mempunyai perkiraan permampasan di antara satu sama lain, boleh dianggap sebagai tidak dalam perjalanan biasa perdagangan, melainkan jika Kerajaan berpuas hati bahawa harga dan kos yang terlibat boleh dibandingkan dengan harga dan kos yang terlibat dalam transaksi di kalangan pihak-pihak yang tidak berkaitan atau yang tidak mempunyai perkiraan permampasan.

Harga
eksport.

17. (1) Harga eksport adalah harga yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar bagi dagangan subjek.

(2) Dalam hal di mana adalah ternyata bahawa pengeksport dan pengimport atau suatu pihak ketiga adalah berkaitan, atau bahawa ada suatu perkiraan permampasan di antara pengeksport dan pengimport atau suatu pihak ketiga, atau bahawa bagi apa-apa sebab lain harga yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar bagi dagangan subjek tidak boleh dipercayai, harga eksport boleh dibina atas asas harga yang dengannya dagangan subjek itu mula-mula dijual semula kepada seorang pembeli bebas, atau jika dagangan subjek itu tidak dijual semula kepada seseorang pembeli bebas, atau tidak dijual semula dalam keadaan yang diimport, atas apa-apa asas munasabah.

(3) Jika harga eksport dibina sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), segala kos yang dilakukan di antara pengimportan dan penjualan semula hendaklah diambil kira.

Perbandingan
nilai normal
dan harga
eksport.

18. (1) Harga eksport dan nilai normal hendaklah diperiksa atas asas boleh banding untuk mengambil kira ciri-ciri fizikal yang berbeza akan dagangan itu, keadaan-keadaan penjualan yang berbeza dalam setiap pasaran dan apa-apa perbezaan lain yang menyentuh

kebolehbandingan harga dan dilaraskan dengan sewajarnya.

(2) Nilai normal dan harga eksport hendaklah dibandingkan dengan seberapa hampir yang mungkin dengan jualan-jualan yang dibuat dalam tempoh masa yang sama.

(3) Jika seorang pengeksport atau pengimport menuntut suatu pelarasan di bawah subseksyen (1), ia mesti membuktikan bahawa tuntutananya berjustifikasi.

19. Jika negara asal dagangan subjek ialah suatu negara berekonomi bukan pasaran, nilai normal hendaklah ditentukan mengikut cara yang ditetapkan.

Dagangan subjek dari negara berekonomi bukan pasaran.

20. (1) Suatu petisyen bertulis yang meminta supaya suatu penyiasatan duti anti-lambakan dimulakan mengenai dagangan yang diimport ke dalam Malaysia boleh dikemukakan oleh seorang pengeluar, pengeluar-pengeluar atau suatu persatuan pengeluar keluaran serupa bagi pihak industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran sedemikian.

Permulaan penyiasatan.

(2) Suatu petisyen hendaklah termasuk keterangan mengenai setiap elemen yang dinyatakan dalam subseksyen 15(1).

(3) Kerajaan hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, mengkaji petisyen itu dan maklumat lain yang ada dan menentukan sama ada pada hakikatnya—

(a) ada keterangan mencukupi yang mewajarkan sesuatu penyiasatan mengenai sama ada elemen-elemen yang perlu bagi pengenaan duti anti-lambakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 15(1) wujud; dan

(b) penyiasatan sedemikian adalah demi kepentingan awam.

(4) Jika Kerajaan menentukan bahawa keterangan mencukupi tidak wujud untuk mewajarkan permulaan suatu penyiasatan duti anti-lambakan atau bahawa penyiasatan sedemikian tidak demi kepentingan awam,

Kerajaan hendaklah menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penentuannya untuk tidak memulakan suatu penyiasatan.

(5) Jika Kerajaan menentukan bahawa keterangan mencukupi wujud untuk mewajarkan permulaan penyiasatan duti anti-lambakan dan bahawa penyiasatan sedemikian adalah demi kepentingan awam, Kerajaan hendaklah memberitahu pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan dan menyiarkan suatu notis permulaan penyiasatan.

(6) Kerajaan boleh, dalam hal keadaan khas, memulakan suatu penyiasatan duti anti-lambakan atas kehendaknya sendiri jika ia mempunyai keterangan yang mencukupi mengenai setiap elemen yang dinyatakan dalam subseksyen 15(1).

(7) Jika Kerajaan memutuskan untuk memulakan suatu penyiasatan di bawah subseksyen (6), ia hendaklah memberitahu pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan dan menyiarkan suatu notis permulaan penyiasatan.

Pindaan
kepada
petisyen.

21. Suatu petisyen yang meminta suatu penyiasatan duti anti-lambakan dimulakan boleh dipinda tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Kerajaan.

Jangka masa
penyiasatan.

22. Kerajaan hendaklah mengakhiri sesuatu penyiasatan duti anti-lambakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Penentuan
awal
mengenai
lambakan
dan
kemudahan.

23. (1) Kerajaan hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, membuat penentuan awal tentang—

(a) sama ada suatu margin lambakan wujud berkenaan dengan dagangan subjek; dan

(b) sama ada kemudahan didapati wujud mengikut mana-mana satu daripada cara-cara yang berikut:

(i) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa di-mudaratkan secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu;

- (ii) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa diancam dengan kemudaratan material disebabkan oleh dagangan subjek itu; atau
- (iii) penubuhan industri sedemikian di Malaysia terencat secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu.

(2) Jika Kerajaan membuat penentuan awal negatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penentuan negatif itu dan—

- (a) meneruskan penyiasatan itu; atau
- (b) menamatkan penyiasatan itu jika difikirkan patut oleh Kerajaan.

(3) Jika Kerajaan membuat penentuan awal afirmatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah meneruskan penyiasatan dan menyiarkan suatu notis mengenai—

- (a) penentuan awal afirmatif itu, dengan menyatakan sebab-sebab bagi penentuannya berkenaan dengan perenggan (1)(a) dan (b); dan
- (b) langkah-langkah sementara yang terpakai,

dan menggunakan langkah-langkah sementara itu, jika perlu.

24. (1) Kerajaan hendaklah menggunakan langkah-langkah sementara mengenai dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia pada atau selepas penyiaran notis penentuan awal afirmatif jika Kerajaan menentukan bahawa langkah-langkah sedemikian diperlukan untuk mencegah berlakunya kemudaratan yang disebut dalam perenggan 23(1)(b) dalam tempoh penyiasatan.

Langkah-
langkah
sementara.

(2) Langkah-langkah sementara hendaklah dalam bentuk duti anti-lambakan sementara yang dijamin dengan cagaran yang sama dengan anggaran amaun margin lambakan yang ditentukan di bawah subseksyen 23(1).

(3) Langkah-langkah sementara yang dikenakan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan.

Penentuan muktamad mengenai lambakan dan kemudaratatan.

25. (1) Kerajaan hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, membuat penentuan muktamad tentang—

- (a) sama ada margin lambakan wujud berkenaan dengan dagangan subjek; dan
- (b) sama ada kemudaratatan didapati wujud mengikut mana-mana satu daripada cara-cara yang berikut:
 - (i) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa dimudaratkan secara material disebabkan oleh dagangan subjek itu;
 - (ii) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa diancam dengan kemudaratatan material disebabkan oleh dagangan subjek itu;
 - (iii) penubuhan industri sedemikian di Malaysia terencat secara material disebabkan oleh dagangan subjek, itu.

(2) Apabila membuat penentuan muktamad di bawah subseksyen (1), Kerajaan boleh mengambil kira sama ada pengenaan duti anti-lambakan adalah demi kepentingan awam.

(3) Jika Kerajaan membuat penentuan muktamad negatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah—

- (a) menamatkan penyiasatan itu;
- (b) menamatkan langkah-langkah sementara yang terpakai di bawah seksyen 24, dan melepaskan cagaran yang dikehendaki oleh langkah-langkah sedemikian; dan
- (c) menyiarkan suatu notis mengenai penentuan muktamad negatif itu, dengan menyatakan sebab-sebab bagi penentuan negatifnya.

(3) Jika Kerajaan membuat penentuan muktamad afirmatif mengenai subseksyen (1), ia hendaklah—

- (a) menyiarkan suatu notis penentuan muktamad afirmatif yang menyatakan sebab-sebab bagi penentuan afirmatifnya, duti anti-lambakan yang terpakai dan dagangan subjek yang baginya duti anti-lambakan itu terpakai;
- (b) mengenakan duti anti-lambakan dalam amaun yang ditentukan mengikut subseksyen 15(2) ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia pada atau selepas tarikh penyiaran penentuan muktamad itu; dan
- (c) mengenakan duti anti-lambakan mengikut subseksyen (5) dan (6) ke atas import ke dalam Malaysia yang baginya langkah-langkah sementara terpakai.

(5) Kerajaan hendaklah mengenakan duti anti-lambakan ke atas dagangan subjek yang terhadapnya langkah-langkah sementara terpakai jika—

- (a) Kerajaan membuat suatu penentuan kemudaratatan material di bawah subperenggan (1)(b)(i); atau
- (b) Kerajaan membuat suatu penentuan ancaman kemudaratatan material di bawah subperenggan (1)(b)(ii), ia mendapati bahawa, dalam ketiadaan langkah-langkah sementara itu, dagangan subjek itu akan menyebabkan suatu dapatan kemudaratatan material di bawah subperenggan (1)(b)(i).

(6) Berkenaan dengan pengenaan duti anti-lambakan di bawah subperenggan (5)—

- (a) jika duti anti-lambakan itu lebih tinggi daripada amaun yang dijamin oleh cagaran yang dikehendaki di bawah langkah-langkah sementara, hanya amaun yang sama dengan cagaran itu hendaklah dikenakan; dan
- (b) jika duti anti-lambakan itu kurang daripada amaun yang dijamin oleh cagaran yang

dikehendaki di bawah langkah-langkah sementara, amau penuh duti anti-lambakan itu hendaklah dikenakan dan amau lebih cagaran itu hendaklah dibayar ganti atau dilepaskan.

(7) Walau apa pun subseksyen (4) dan (5), Kerajaan boleh mengenakan duti anti-lambakan ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh sembilan puluh hari sebelum pemakaian langkah-langkah sementara jika—

- (a) Kerajaan mendapati kemudaratan yang sukar dibaiki;
- (b) kemudaratan itu sedang disebabkan oleh pengimportan besar-besaran dagangan subjek dalam tempoh masa yang singkat; dan
- (c) terdapatnya sejarah lambakan yang menyebabkan kemudaratan, atau pengimport sedar atau sepatutnya sedar bahawa pengeksport mengamalkan lambakan dan lambakan sedemikian akan menyebabkan kemudaratan.

(8) Apabila duti anti-lambakan dikenakan ke atas dagangan subjek, duti anti-lambakan sedemikian hendaklah dikenakan mengikut amau yang sesuai atas asas syarikat spesifik, jika praktik, dan atas asas tak berdiskriminasi ke atas kesemua pengimportan dagangan sedemikian ke dalam Malaysia dari negara yang didapati melambakkan dagangan subjek itu.

Penamatan
penyiasatan.

26. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, sesuatu penyiasatan boleh ditamatkan pada bila-bila masa jika—

- (a) pempetisyen menarik balik petisyen; atau
- (b) terdapatnya perubahan hal keadaan,

dengan syarat bahawa Kerajaan menentukan bahawa penamatan sedemikian adalah demi kepentingan awam.

(2) Jika suatu penamatan menurut subseksyen (1) berlaku sebelum penentuan awal, Kerajaan hendaklah menyiarkan notis mengenai penamatan sedemikian dengan menyatakan sebab-sebab bagi penamatan itu.

(3) Jika suatu penamatan menurut subseksyen (1) berlaku selepas penentuan awal, Kerajaan hendaklah—

- (a) menamatkan apa-apa langkah sementara yang disebut dalam seksyen 24 dan melepaskan cagaran yang dikehendaki oleh langkah-langkah sedemikian; dan
- (b) menyiarkan suatu notis mengenai penamatan itu dengan menyatakan sebab-sebab bagi penamatan itu.

27. (1) Sesuatu penyiasatan boleh digantung pada bila-bila masa jika akujanji disetujuterima oleh Kerajaan.

Peng-
gantungan
penyiasatan.

(2) Sebelum menyetujuterima akujanji, Kerajaan hendaklah menentukan bahawa akujanji itu—

- (a) akan menghapuskan margin lambakan atau kesan-kesan kemudaratan yang disebabkan oleh dagangan subjek;
- (b) boleh diawasi secara berkesan; dan
- (c) adalah demi kepentingan awam.

(3) Jika akujanji disetujuterima oleh Kerajaan sebelum penentuan awal, Kerajaan hendaklah menggantung penyiasatan itu dan menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penyetujuterimaan akujanji sedemikian.

(4) Jika akujanji disetujuterima oleh Kerajaan selepas penentuan awal, Kerajaan hendaklah—

- (a) menggantung penyiasatan itu;
- (b) menggantung apa-apa langkah sementara yang terpakai di bawah seksyen 24 dan melepaskan semua atau sebahagian daripada cagaran yang dikehendaki oleh langkah-langkah sedemikian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan; dan
- (c) menyiarkan suatu notis yang menyatakan sebab-sebab bagi penggantungan penyiasatan itu dan tindakan-tindakan di bawah perenggan (b).

(5) Walaupun akujanji itu disetujuterima, penyiasatan boleh diselesaikan di atas permintaan bertulis kerajaan asing yang berkepentingan atau jika Kerajaan memutuskan demikian.

(6) Jika Kerajaan menyelesaikan penyiasatan menurut subseksyen (5), atau kerana apa-apa sebab lain, dan membuat suatu penentuan afirmatif, akujanji itu hendaklah terus berkuatkuasa konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(7) Jika Kerajaan menyelesaikan penyiasatan menurut subseksyen (5), atau kerana apa-apa sebab lain, dan membuat suatu penentuan negatif, akujanji itu hendaklah luput, kecuali dalam hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (8).

(8) Jika penentuan negatif yang disebut dalam subseksyen (7) adalah secara besarnya disebabkan oleh kewujudan akujanji itu, akujanji itu boleh dikekalkan konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(9) Kerajaan boleh memulakan semula suatu penyiasatan tergantung pada bila-bila masa jika ia menentukan bahawa akujanji yang disetujuterima di bawah subseksyen (1) tidak lagi menepati kehendak-kehendak subseksyen (2) atau terdapat pencabulan material akan akujanji itu.

(10) Jika Kerajaan memulakan semula suatu penyiasatan menurut subseksyen (9), ia hendaklah mengambil tindakan yang cepat untuk—

- (a) membuat suatu penentuan awal menurut seksyen 23, jika perlu;
- (b) menggunakan langkah-langkah sementara bertepatan dengan seksyen 24; dan
- (c) membuat penentuan muktamad menurut seksyen 25.

(11) Kerajaan boleh menggunakan fakta yang ada berkenaan dengan apa-apa penentuan di bawah subseksyen (10) jika pencabulan material akan akujanji berlaku.

(12) Dalam hal-hal yang disebut dalam subseksyen (9) Kerajaan boleh mengenakan duti anti-lambakan bertepatan dengan seksyen 25 ke atas dagangan subjek yang diimport ke dalam Malaysia dalam tempoh sembilan puluh hari sebelum pemakaian langkah-langkah sementara di bawah subseksyen (10):

Dengan syarat bahawa taksiran retroaktif sedemikian tidak terpakai bagi dagangan subjek yang diimport sebelum pencabulan itu.

28. (1) Bilamasa sesuatu pihak berkepentingan yang berkenaan memberi maklumat kepada Kerajaan, atau Kerajaan selainnya mendapat maklumat, bahawa— Kajian semula pentadbiran.

- (a) margin lambakan telah berubah secara substansial;
- (b) pembayaran balik duti anti-lambakan tidak lagi perlu;
- (c) pengenaan duti anti-lambakan tidak lagi perlu;
- (d) akujanji tidak lagi perlu atau patut diubahsuai; atau
- (e) duti anti-lambakan yang dikehendaki ditamatkan menurut subseksyen (6) patut dikekalkan,

Kerajaan boleh menjalankan suatu kajian semula pentadbiran jika Kerajaan menentukan bahawa kajian semula itu adalah demi kepentingan awam:

Dengan syarat bahawa tiada kajian semula pentadbiran boleh dijalankan melainkan jika tempoh yang ditetapkan telah luput.

(2) Jika Kerajaan memutuskan untuk menjalankan suatu kajian semula pentadbiran di bawah subseksyen (1), Kerajaan hendaklah—

- (a) menyiarkan suatu notis mengenai permulaan kajian semula pentadbiran; dan
- (b) menjalankan kajian semula itu, dengan memberi pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan peluang untuk memberi komen.

(3) Apa-apa kajian semula pentadbiran yang dijalankan menurut subseksyen (2) hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

(4) Apabila kajian semula pentadbiran itu selesai, Kerajaan hendaklah menyiarkan suatu penentuan kajian semula pentadbiran muktamad dengan menyatakan sebab-sebab bagi penentuannya itu.

(5) Kecuali dalam hal kajian semula pentadbiran bagi suatu pembayaran balik di bawah perenggan (1)(b), apa-apa penentuan yang dibuat menurut subseksyen (4) hendaklah terpakai bagi dagangan subjek yang diimport pada atau selepas tarikh penyiaran penentuan kajian semula pentadbiran itu.

(6) Duti anti-lambakan tidak boleh dipungut atas import yang dibuat selepas lima tahun dari tarikh penyiaran notis mengenai penentuan muktamad di bawah seksyen 25, melainkan jika Kerajaan menentukan berasaskan pada suatu kajian semula pentadbiran bahawa adanya sebab yang baik bagi pengenaan berterusan duti sedemikian.

Rayuan
kepada
Tribunal

29. (1) Pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan hendaklah mempunyai hak untuk merayu kepada Tribunal terhadap—

- (a) suatu penentuan muktamad afirmatif atau negatif di bawah seksyen 25; atau
- (b) apa-apa penentuan kajian semula pentadbiran muktamad di bawah subseksyen 27(4).

(2) Sesuatu rayuan hendaklah difailkan dalam masa empat belas hari dari tarikh notis penentuan muktamad afirmatif atau negatif di bawah seksyen 25 atau dari tarikh penentuan kajian semula pentadbiran muktamad di bawah subseksyen 27(4).

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

Perkara-
perkara
pentadbiran.

30. (1) Apa-apa petisyen yang dihendaki dikemukakan di bawah Bahagian II dan ITT hendaklah dikemukakan kepada Menteri.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, apa-apa tindakan yang dihendaki dijalankan atau diambil di bawah Akta ini hendaklah dijalankan atau diambil oleh mana-mana orang atau pegawai yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Menteri.

(3) Apa-apa dapatan mengenai sesuatu penyiasatan, sama ada bagi maksud penentuan awal atau muktamad, atau suatu kajian semula pentadbiran, di bawah Akta ini, hendaklah dikemukakan kepada Menteri.

(4) Menteri hendaklah membuat syor kepada Menteri Kewangan yang hendaklah membuat penentuan atau keputusan.

(5) Pungutan apa-apa duti timbal balas atau anti-lambakan yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai kastam.

(6) Jika apa-apa soalan berbangkit tentang sama ada apa-apa keluaran tertentu adalah atau tidak termasuk dalam apa-apa pemberitahuan yang diberi di bawah Akta ini, soalan itu hendaklah dirujuk kepada Menteri yang hendaklah memutuskan perkara itu.

31. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana orang atau pegawai yang diberikuasa di bawah Akta ini bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang diperintahkan atau dilakukan bagi maksud menguatkuasakan Akta ini, dan tiada guaman atau pendakwaan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana orang bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan mana-mana orang atau pegawai sedemikian jika tindakan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

Perlindungan pegawai dan orang yang bertindak di bawah arahan pegawai.

32. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Tribunal untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang dinyatakan dalam seksyen 14 dan 28.

Penubuhan Tribunal.

(2) Menteri hendaklah melantik Pengerusi Tribunal dan tidak lebih daripada dua orang lain sebagai anggota Tribunal.

(3) Pengerusi dan anggota Tribunal hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, selepas mana mereka layak untuk dilantik semula.

(4) Menteri hendaklah menentukan saraan dan terma-terma serta syarat-syarat lain perlantikan Pengerusi dan anggota Tribunal.

(5) Menteri boleh mengisytiharkan jawatan mana-mana anggota Tribunal kosong atas alasan anggota itu didapati tidak layak untuk terus memegang jawatan atau tidak berupaya melaksanakan tugas-tugas jawatan itu.

(6) Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi Menteri notis bertulis.

(7) Pengerusi dan anggota Tribunal hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

(8) Menteri boleh membuat apa-apa kaedah yang perlu atau suaimanfaat bagi maksud membolehkan Tribunal untuk menjalankan fungsi-fungsinya, dan pada khususnya, tanpa menjejaskan keluasan yang disebut terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan mengenai penubuhan, pegawai dan prosiding Tribunal.

*N.M.B
Bab 45*

Peraturan-
peraturan
berkenaan
dengan
kawasan
yang
dinyatakan.

33. Menteri Kewangan boleh, berkenaan dengan kawasan tertentu yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini, membuat peruntukan khas untuk mengawalselia kawasan dinyatakan itu bagi maksud-maksud Akta ini.

Pemakaian
Akta Kastam
1967

34. (1) Akta ini hendaklah ditafsirkan bersekali dengan Akta Kastam 1967.

(2) Sekiranya berlaku apa-apa ketakkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967 dan peruntukan-peruntukan Akta ini, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

BAHAGIAN V

AM

35. Jika pengimportan dagangan dari lebih daripada satu negara adalah tertakluk kepada penyiasatan duti timbal balas atau anti-lambakan atau kedua-duanya secara serentak, Kerajaan boleh secara kumulatif mentaksirkan kesan dagangan yang disubsidikan dan dilambakkan atau kedua-duanya ke atas industri dalam negeri. Kumulasi.
36. Apa-apa maklumat yang diberikan yang palsu atau tak tepat secara material hendaklah ditolak tanpa menjejaskan apa-apa jua penalti yang boleh terpakai di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Pernyataan palsu.
37. Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mencegah pemintasan pemakaian duti timbal balas dan anti-lambakan sebagaimana yang ditetapkan. Langkah-langkah anti-pemintasan.
38. (1) Semua pihak berkepentingan dalam sesuatu penyiasatan duti timbal balas atau anti-lambakan hendaklah diberi notis mengenai maklumat yang dikehendaki oleh Kerajaan dan peluang untuk mengemukakan semua keterangan yang mereka fikirkan relevan. Notis mengenai maklumat dan peluang untuk mengemukakan keterangan.
- (2) Kerajaan hendaklah, bilamasa praktik, memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan untuk melihat maklumat tak sulit yang dikemukakan yang relevan kepada pembentangan kes mereka.
39. (1) Apa-apa maklumat yang dari segi sifatnya adalah sulit, atau apa-apa maklumat yang diberikan atas asas kerahsiaan oleh pihak-pihak dalam sesuatu penyiasatan, hendaklah atas sebab baik yang ditunjukkan, dikira sebagai sulit oleh Kerajaan. Maklumat sulit daripada pihak berkepentingan.
- (2) Sifat sulit sesuatu dokumen tidak boleh digunakan sebagai sebab untuk enggan memberikannya kepada Kerajaan.
- (3) Kerajaan hendaklah bertanggungjawab bagi menjamin kerahsiaan dokumen-dokumen sedemikian.

(4) Maklumat sulit tidak boleh dedah tanpa kebenaran bertulis yang spesifik daripada pihak yang mengemukakan maklumat sulit itu.

(5) Kerajaan hendaklah menghendaki pihak-pihak yang memberi maklumat sulit untuk memberikan ringkasan tak sulit dengan cukup terperinci untuk membolehkan pemahaman munasabah akan isi maklumat sulit itu.

(6) Sekiranya pihak-pihak sedemikian menunjukkan bahawa maklumat sedemikian tidak mudah diringkaskan, suatu pernyataan mengenai sebab-sebab mengapa peringkasan tidak dapat dibuat hendaklah diberikan.

(7) Kerajaan boleh mengendahkan maklumat yang dikemukakan jika—

- (a) Kerajaan mendapati bahawa suatu permintaan untuk kerahsiaan di bawah subseksyen (1) tidak wajar dan pembekal maklumat itu bagaimana pun masih tidak rela untuk mendedahkan maklumat itu;
- (b) ringkasan tak sulit yang dikehendaki di bawah subseksyen (5) tidak cukup perinciannya; atau
- (c) alasan yang diberikan untuk tidak memberikan ringkasan tak sulit di bawah subseksyen (6) tidak disifatkan mencukupi dan pihak yang membekalkan maklumat itu bagaimana pun masih enggan memberi ringkasan tak sulit.

Penentusahan maklumat.

40. Kerajaan boleh memutuskan untuk menentusahkan ketepatan mana-mana maklumat yang dikemukakan semasa penyiasatan atau kajian semula pentadbiran dengan menggunakan apa-apa cara munasabah untuk menjalankan penentusahan itu.

Penggunaan fakta yang ada.

41. Jika mana-mana pihak berkepentingan enggan memberi akses kepada, atau selainnya tidak memberikan, maklumat perlu dalam tempoh munasabah atau dengan ketaranya menghalang penyiasatan, termasuk enggan membenarkan penentusahan maklumatnya, penentuan

awal dan muktamad sama ada mengenai pensubsidian atau pelambakan boleh dibuat atas asas fakta yang ada.

42. Jika dalam perjalanan sesuatu penyiasatan Kerajaan menemui amalan yang ternyata sebagai subsidi atau lambakan, tetapi tidak dimasukkan dalam perkara-perkara yang dikatakan dalam petisyen, maka Kerajaan boleh, jika masa mencukupi, menyiasat amalan itu.

Amalan lain yang ditemui semasa penyiasatan.

43. (I) Jika tiada obligasi antarabangsa yang terpakai mengenai duti timbal balas dan anti-lambakan wujud di antara Malaysia dengan kerajaan asing berkepentingan—

Penjaianan penyiasatan jika tiada obligasi antarabangsa terpakai.

(a) duti timbal balas dan anti-lambakan boleh dikenakan tanpa mengira penyiasatan yang disebut dalam seksyen 4 dan 20; dan

(b) Kerajaan adalah berhak untuk menggunakan apa-apa takrif, perkaedahan dan prosedur pentadbiran dan undang-undang yang difikirkannya sesuai mengenai penyiasatan itu.

(2) Apabila menggunakan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), pertimbangan hendaklah diberi kepada undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan asing berkepentingan dan pemakaian undang-undang dan peraturan-peraturan itu kepada eksport Malaysia.

44. Dalam hal di mana dagangan tidak diimport ke dalam Malaysia secara langsung dari negara asal, tetapi dieksport ke Malaysia dari suatu negara perantaraan, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai sepenuhnya dan transaksi itu, bagi maksud-maksud Akta ini, hendaklah dikira sebagai telah dibuat di antara negara asal dengan Malaysia.

Pemindahan kapal.

45. Semua notis yang dikehendaki disiarkan di bawah Akta ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

Penyiaran notis.

46. Tiada dagangan boleh tertakluk kepada kedua-dua duti timbal balas dan anti-lambakan untuk mengimbangi keadaan yang sama bagi lambakan atau pensubsidian.

Pengiraan dua kali tidak dibenarkan.

Pelepasan kastam tidak boleh dihalang **47.** Apa-apa penyiataan yang dijalankan di bawah Akta ini tidak boleh menghalang prosedur untuk pelepasan kastam.

Pengkhidmat awam **48.** Mana-mana orang yang bertindak untuk dan bagi pihak atau di bawah arahan Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

NM.B
Bah 45.

Kewajipan kerahsiaan. **49.** (1) Tiada seorang pun yang mempunyai akses kepada apa-apa pernyataan, akaun, rekod, persuratan, dokumen, maklumat atau apa-apa bahan lain yang didapati menurut peruntukan Akta ini boleh mendedahkan pernyataan, akaun, rekod, persuratan, dokumen, maklumat atau bahan lain itu kepada mana-mana orang lain melainkan jika—

- (a) pendedahan itu dibenarkan oleh Menteri; atau
- (b) pendedahan itu dibuat bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan. **50.** (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat bagi memberi kesan penuh kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini atau mana-mana peruntukannya, atau bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih lanjut, baik dan mudah.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk menetapkan tempoh masa bagi apa-apa tindakan diambil di bawah Akta ini;
- (b) untuk memperuntukkan bagi perlanjutan masa bagi apa-apa tindakan diambil dan hal-hal keadaan apabila perlanjutan boleh diberikan;

- (c) untuk memperuntukkan bagi bentuk dan kandungan notis yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini dan prosedur yang berhubungan dengan pemberian notis itu;
 - (d) untuk memperuntukkan bagi langkah-langkah anti-permintasan;
 - (e) untuk memperuntukkan bagi prosedur penyiasatan, kajian semula pentadbiran dan rayuan;
 - (f) untuk memperuntukkan bagi apa-apa fee yang dikehendaki dikenakan berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini;
 - (g) untuk memperuntukkan bentuk akujanji yang boleh disetujuterima oleh Kerajaan dan prosedur yang berhubungan dengannya; dan
 - (h) untuk memperuntukkan bagi semua perkara yang dikehendaki ditetapkan atau yang perlu atau suaimanfaat untuk menguatkuasakan Akta ini.
- (3) Peraturan-peraturan di bawah seksyen ini—
- (a) boleh memperuntukkan bahawa mana-mana perbuatan atau peninggalan yang melanggar dengan mana-mana peruntukannya menjadi suatu kesalahan; dan
 - (b) boleh memperuntukkan bagi pengenaan penalti yang tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit bagi kesalahan sedemikian.

51. Akta Kastam (Lambakan dan Subsidi) 1959 adaiiah dengan ini dimansuhkan.

Pemansuhan
Akta Kastam
(Lambakan
dan Subsidi)
1959.
Akta 361

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik bagi mengatasi amalan perdagangan yang tidak adil berhubungan dengan pelambakan dan pensubsidian dagangan yang diimport ke dalam Malaysia. Apabila menjadi undang-undang, ia akan menggantikan Akta Kastam (Lambakan dan Subsidi)

1959 yang ada. Peruntukan Rang Undang-Undang ini membenarkan peneanaan dan pungutan duti anti-lambakan dan timbal balas untuk mengimbangi aktiviti-aktiviti seperti lambakan dan subsidi, yang telah menyebabkan atau yang mengancam untuk menyebabkan kemudaratn kepada industri dalam negeri di Malaysia.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini memperkatakan perkara-perkara permulaan. *Pasal 1* memperuntukkan mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan dan *fasal 2* mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II dan III masing-masingnya memperkatakan tindakan-tindakan yang dikehendaki diambil berkenaan dengan pelambakan dan pensubsidian dagangan yang diimport ke dalam Malaysia. Tindakan-tindakan sedemikian termasuk permulaan penyiasatan mengenai amalan pelambakan dan pensubsidian dan kemudaratn kepada industri dalam negeri di Malaysia di atas suatu aduan yang difailkan oleh seorang pengeluar dalam negeri, penentuan awal dan muktamad mengenai penyiasatan itu, hal-hal keadaan di mana penggantungan penyiasatan dibenarkan, kajian semula pentadbiran yang difikirkan dan perkara-perkara yang boleh dirayu dan yang boleh dibawa kepada Tribunal.

4. Perkara-perkara pentadbiran diperkatakan dalam Bahagian IV. Bahagian ini memperuntukkan, antara lainnya, mengenai struktur pentadbiran di mana aduan dalam bentuk petisyen boleh diarahkan, pihak-pihak berkuasa yang akan menjalankan penyiasatan, membuat penentuan awal dan muktamad dan memungut duti-duti itu, penubuhan Tribunal dan perlindungan pegawai-pegawai pada pelaksanaan kewajipan mereka. Sebagai tambahan, *fasal 33* memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan boleh membuat peruntukan-peruntukan khas berhubungan dengan kawasan yang dinyatakan, seperti Zon Bebas, yang menghendaki pengurusan mengikut peruntukan-peruntukan khas dalam bentuk peraturan-peraturan. *Pasal 34* memperuntukkan bagi Akta dicadangkan ditafsirkan sebagai bersekali dengan Akta Kastam 1967. Dengan ini, pegawai kastam hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberikan oleh Akta Kastam 1967 berhubungan dengan pemungutan dan penguatkuasaan duti kastam bagi maksud pemungutan duti timbal balas dan anti-lambakan yang dikenakan di bawah Rang Undang-Undang ini.

5. Bahagian V memperkatakan peruntukan-peruntukan am, dan menerangkan prinsip-prinsip yang akan diterimapai oleh Kerajaan untuk menguruskan, antara lainnya, dagangan yang diimport ke dalam Malaysia dari lebih daripada satu negara yang tertakluk kepada kedua-dua penyiasatan duti anti-lambakan dan subsidi (*fasal 35*), pernyataan palsu (*fasal 36*), perlindungan maklumat sulit (*fasal 39*) dan penggunaan fakta yang ada jika menghadapi pihak berkepentingan yang tidak mahu bekerjasama (*fasal 41*), dan juga

amalan-amalan lain yang ditemui dalam perjalanan penyiasatan (*fasal 42*). Di bawah *fasal 37*, langkah-langkah anti-pemintasan juga dijangkakan dikawalselia melalui peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri. Suatu peruntukan penting lain ialah prinsip layanan minimum yang diberikan dalam Rang Undang-Undang tidak akan dipanjangkan kepada pihak berkepentingan jika negara yang dalamnya mereka beroperasi tidak mempunyai obligasi antarabangsa dengan Malaysia yang terpakai. *Pasal 50* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud-maksud Akta dicadangkan. *Pasal 51* memperkatakan pemansuhan Akta Kastam (Lambakan dan Subsidi) 1959.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1661.]